

**ANALISIS SIMBOL TERHADAP TERJEMAHAN SAJAK DI
HADAPAN AL-QURAN KARYA KEMALA KE DALAM
BAHASA ARAB¹**

Ijlal Saja @ Mearaj, Maheram Ahmad &
Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad

ABSTRAK

Karya sastra seperti novel, hikayat, cerpen, prosa dan puisi dapat diperluas hingga ke peringkat antarabangsa dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa asing. Walaupun cara ini memberi impak besar kepada Malaysia, tetapi kajiannya masih pada tahap yang rendah. Malah genre sajak paling sukar untuk diterjemahkan. Hal ini disebabkan sajak itu sendiri sarat dengan bahasa kiasan dan sangat berkait rapat dengan penggunaan simbol sehinggalah kajian sajak sering diketepikan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk (a) menganalisis makna sebenar simbol dalam sajak Di Hadapan al-Quran yang digunakan oleh Kemala, (b) menilai kaedah penterjemahan simbol terhadap terjemahan sajak Di Hadapan al-Quran ke dalam bahasa Arab dan (c) mengesyorkan cadangan terjemahan baru jika makna simbol terhadap terjemahan sajak Di Hadapan al-Quran ke dalam bahasa Arab tidak sepadan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan teori relevan untuk menganalisis data. Pemilihan sajak Di Hadapan al-Quran sebagai pensampelan bertujuan. Pengumpulan data terdiri daripada data primer dan sekunder. Dua data primer daripada terjemahan sajak dan data sekunder. Data dikodkan mengikut susunan sajak dan rangkap. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan dilakukan secara mudah dan senang difahami oleh pembaca sasaran dan penggunaan teknik penterjemahan simbol didapati sesuai tanpa mengubah makna sebenar. Cadangan kajian akan datang agar dilihat daripada aspek yang sama tetapi sajak yang lain.

Katakunci: Analisis simbol, terjemahan sajak, Kemala, bahasa Melayu, bahasa Arab.

**SYMBOL ANALYSIS ON TRANSLATION OF POEMS “DI
HADAPAN AL-QURAN” KEMALA’S WORK IN ARABIC**

¹ Terima kasih kepada biasiswa MyPHD diatas pembiayaan penulisan ini.

ABSTRACT

Literary the research in this area works such as novels, stories, short stories, prose and poetry can be expanded internationally by translating them into foreign languages. Although this approach can give a big impact on Malaysia, but is still low. One of the difficult genre to translate is poem. This is because the poem itself is full of figurative language and is very closely associated with the use of symbols. Therefore, this poetry research is often set aside. Therefore, this study aims to (a) analyze the true meaning of the symbol in the poem "Di hadapan al-Quran" used by Kemala. (b) Evaluate the symbolic method of interpretation of poetry translation into the Arabic language. (c) Recommend a new translation proposal if the symbolic meaning of poetry translation into the Arabic language is incompatible. This study is a qualitative study by applying relevance theory to analyze data. The selection of poems "Di Hadapan al-Quran" as a purposeful sampling. Data collection consists of primary and secondary data. Two primary data from rhyming translations and secondary data. Data is encoded in poetry and duplicate order. The results show that translations are easily and easily understood by target readers and the use of symbol translation techniques is appropriate without changing the true meaning. Future research on different poem is suggested to view the poem using similar aspect.

Keywords: *Symbol analysis, translation of poem, Kemala, Malay language, Arabic language.*

PENDAHULUAN

Karya sastra seperti novel, hikayat, cerpen, prosa dan puisi dapat diperluas hingga ke peringkat antarabangsa dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa asing. Kesannya, masyarakat luar mengetahui keunikan dan keindahan seni orang Melayu. Walaupun cara ini banyak memberi impak besar kepada Malaysia, tetapi terjemahan karya sastra daripada bahasa Melayu kepada bahasa asing masih rendah bilangannya terutama terjemahan bahasa Arab, berbanding terjemahan karya sastra daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Noorsyuhada & Maheram (2013) membuktikan bahawa sejak tahun 1995 hingga 2012, terdapat hanya 23 buah karya Melayu sahaja yang diterjemah dan diterbitkan ke dalam bahasa Arab. Malah, genre sajak paling sukar diterjemahkan sehingga mengambil masa yang sangat panjang (Nicolescu, 2012; Arif Kharki, 2016).

Rentetan permasalahan ini, antara punca sajak sukar diterjemahkan adalah kerana sajak itu sendiri sarat dengan bahasa kiasan dan sangat berkait rapat dengan penggunaan simbol sehinggalah kajian sajak sering diketepikan, sungguhpun sajak-sajak ini diakui tinggi nilainya serta diiktiraf. Hal ini dibuktikan oleh kajian Pedersen (2015), yang mengkaji sajak dalam puisi Alexandru Macedonski di Perancis. Dalam sajak itu terdapat tujuh tema penggunaan simbol yang mempunyai nilai produktiviti tinggi, iaitu “death”, “town”, “lead of sinister”, “language”, “mystery”, “absolute value” dan “flower”. Begitu juga dengan kajian Kamarova (2014), penggunaan simbol angsa (*swan*) dalam sajak moden di Turki melambangkan sifat bumi yang terbaik seperti cinta, kecantikan, kesucian, kesempurnaan, kesetiaan, kedamaian dan keharmonian menjadi imej artistik yang tinggi.

Dengan itu, berdasarkan isu-isu yang dikemukakan ini, terdapat keperluan untuk memahami makna simbol ini agar dapat memudahkan penterjemah melakukan tugasnya. Masalah ini perlu diatasi supaya penterjemah boleh meminimumkan kesalahan memindahkan makna dengan tidak sepadan. Antara salah satu caranya dengan mengaplikasikan teori relevan yang diperkenalkan oleh Speber dan Wilson pada tahun 1986 (Nor Hashimah, 1999) dan dicadangkan oleh kajian Mary Fatimah (2012; 2015). Selain itu, Larson pada tahun 1986 mencadangkan agar simbol dihilangkan dengan menterjemahkannya secara eksplisit (Kencanawati, 1989).

Justeru, kajian ini cuba mengenal pasti permasalahan yang timbul mengenai penterjemahan simbol dalam teks terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* dan mencari penyelesaian ke atas permasalahan tersebut. Seterusnya menentukan suatu kaedah penterjemahan puisi yang diperlukan pada konteks masa kini. Maka persoalan yang timbul seperti berikut:

- a. Apakah makna sebenar simbol dalam sajak *Di Hadapan al-Quran* yang digunakan oleh Kemala?
- b. Bagaimanakah kaedah penterjemahan simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab?
- c. Cadangkan terjemahan baru jika makna simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab tidak sepadan?.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- a. Menganalisis makna sebenar simbol dalam sajak *Di Hadapan al-Quran* yang digunakan oleh Kemala.
- b. Menilai kaedah penterjemahan simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab.
- c. Mengesyorkan cadangan terjemahan baru jika makna simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab tidak sepadan.

Tinjauan Kajian Lepas

Antara kajian yang memfokuskan aspek simbol, seperti kajian Ahmad Kamal (2010), Abdullah Zawawi dan Shaiful Bahri (2011), Zulkarnain (2011), Elia (2012), Boey (2013), Shia Ho (2014), Johannes (2015) dan Norhayati (2015).

Simbolisme dalam Islam telah wujud sejak zaman Jahiliah lagi. Simbol berhala, 'Uzza, Manat dan Lat dipuja sebagai tanda kepercayaan syirik kepada Allah banyak digunakan oleh penyair-penyair Jahiliah (Ahmad Kamal 2010: 41).

Begitu juga mereka menyembah matahari. Setelah kedatangan Islam, iaitu dengan turunnya surah as-Syams, ayat 1-15, ramai penyair masuk Islam dan mereka sangat dekat dengan al-Quran. Maka, penyair sufi Islam menggantikan simbol matahari yang merupakan kepercayaan syirik yang berkaitan dengan roh, jisim dan nafsu dengan panduan al-Quran yang mana mereka tidak menyembahnya tetapi mengagumi ciptaan Allah. Hasil kajian mendapati bahawa, simbol Islam dalam puisi dikategorikan kepada simbolisme yang berakar pada al-Quran, simbolisme yang berakar pada tasawuf, simbolisme yang berakar pada keilmuan Islam dan simbolisme yang berakar pada alam Melayu (Ahmad Kamal 2010: 233-344).

Kajian simbol juga didapati dikaji dalam novel dan dihuraikan sedikit oleh kajian Abdullah Zawawi dan Shaiful Bahri (2011: 102) dalam jurnalnya bertajuk *Melampaui Sempadan Penyelidikan Sastera: Satu Perbincangan Berdasarkan Senja Belum Berakhir* Karya Azizi Haji Abdullah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah kerana dilihat bidang sastera pada tahap pengetahuan dalam teori taksonomi bloom tetapi belum kepada tahap analisis dan sintesis. Novel *Senja Belum Berakhir* karya Azizi Haji Abdullah dijadikan sampel kajian. Salah satu hasil

dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat petikan yang simbolik kepada Azizi, menyatakan bahawa seseorang warganegara Malaysia harus memiliki semangat patriotik dan berjiwa merdeka, iaitu membenci sebarang penindasan. Hal ini membuktikan bahawa simbol ini dapat diselidiki hingga kepada tahap analisis, iaitu tahap tertinggi dalam teori taksonomi bloom. Oleh itu, kemampuan menjana pemikiran kreatif, kritis dan kritikal diri penyelidik melangkaui sempadan penyelidikan sastera Melayu yang lebih berani dan integriti terhadap novel tersebut.

Begitu juga kajian disertasi sarjana Boey (2013), tetapi sedikit sahaja huraian dalam kajian penterjemahan karya sastera bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu berkaitan simbol. Tajuknya *Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Teks Kesusasteraan Klasik Negara China Ke Bahasa Melayu*. Kajian ini dijalankan secara kualitatif deskriptif dengan analisis kontrastif digunakan. Lapan buah cerita klasik China yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu, sebanyak 319 kata nama khas di kumpul sebagai data kajian ini. Kata nama khas yang dikumpulkan termasuk nama dewa-dewi, maharaja, puteri, makhluk, manusia, negara, tempat, gunung dan gelaran. Kajian ini hanya menggunakan teori lima strategi Guo (2005), iaitu salah satunya terjemahan simbolik dengan penjelasan semantik pada kata akhir untuk mewakili kata nama pinjaman seperti *cross* (十字架), *pyramid* (金字塔) dan *mattock* (鹤嘴锄). Selain itu, didapati terjemahan nama pemimpin dunia dan Simbol Demokrasi bagi Myanmar, iaitu Aung San Suu Kyi ada diterangkan. Walaupun sedikit sahaja kajian simbol diterangkan namun membantu kajian ini untuk menambah sorotan literatur dalam aspek simbol.

Sedikit berbeza dengan kajian Elia (2012) dalam kajian kertas kerjanya di Fakultas Ilmu Budaya Universitas Padjadjaran, Jatinangor bertajuk *Simbolisme Dalam Sajak L'horloge Karya Charles Baudelaire* yang tidak melibatkan terjemahan. Kajian ini membincangkan simbol-simbol yang terdapat dalam sajak yang berbahasa Perancis.

Selain itu, ia membincangkan faktor-faktor yang tercipta daripada simbol tersebut. Analisis struktur karya sastera digunakan terhadap aspek analisis unsur fonologi, unsur sintaksis, dan unsur semantik. Teori-teori yang mendukung penelitian ini adalah teori tentang

simbolisme dan teori tentang unsur-unsur pembentuk puisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyair Charles Baudelaire ini daripada aliran simbolisme.

Kajian simbol secara terperinci pula yang terkini, adalah daripada kajian Shia Ho (2014) dalam *Jurnal Bahasa* bertajuk *Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans*. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan mendedahkan fenomena penggunaan bahasa oleh Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia Pertama) melalui kajian korpus. Kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan kebijaksanaan Tunku menggunakan simbol untuk menyampaikan mesejnya kepada pendengar. Simbol dalam bentuk kata dan frasa dipilih untuk dianalisis. Simbol tersebut dirujuk kepada objek yang bersifat maujud dan berada dalam pengetahuan sedia ada atau catatan ensiklopedia pendengar. Penggunaan objek dalam penyampaian mesej ini dapat membantu pendengar menginterpretasi makna implisit yang ingin disampaikan. Penganalisan data kajian ini dilakukan dengan berdasarkan Teori Relevans (TR), digagaskan oleh Sperber dan Wilson yang menekankan peranan kognitif, iaitu melibatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan simbol dalam ujaran mampu diinterpretasi oleh pendengar sebagaimana makna yang diinginkan oleh Tunku.

Akhir sekali, kajian aspek simbol dikemukakan dalam jurnal oleh Johannes (2015) di Manado, Indonesia bertajuk *Simbol-Simbol Pada Puisi-Puisi Ezra Pound*. Kajian ini mengungkap kata-kata yang indah menggunakan majaz-majaz sebagai komponen penguat idea yang diungkapkan oleh para penyair pada umumnya. Begitu juga Ezra Pound, menggunakan simbol dalam puisi- puisinya. Kajian ini membincangkan dua kategori simbol iaitu kategori “konvensional” dan “public” seperti misalnya “Salib”, “Merah”, Putih dan Biru”, “Gembala Baik” yang merujuk kepada kebudayaan tertentu. Kemudian, terdapat jenis- jenis simbol yang lain disebut dengan simbol-simbol “pribadi” yang hanya difahami oleh sesama anggota masyarakat atau orang tertentu.

Manakala kajian lain yang berkaitan dengan Kemala juga dibincangkan dalam kajian Norhayati (2015) dan Zulkarnain (2011). Kajian Norhayati (2015) menganalisis secara terperinci mengenai

unsur tasawuf terhadap karya Kemala tetapi melalui puisi Meditasi. Antaranya unsur “mengingat (*dzikr, remembrance*)”, gam-baran kekasih yang hilang memerlukan kekasih cinta hakiki, kebangkitan kesedaran seseorang untuk mengenali Tuhannya, hubungan manusia dengan penciptanya, istilah tasawuf seperti “perawan suci”, “kekasih”, “gita perkasih”, “gita cinta”, “kekasih yang hilang”, dan “cinta”. Setiap ungkapan berunsur tawasuf dijelaskan dengan teliti termasuklah makna tersirat dalam konsep tawasuf. Hal ini membuktikan bahawa Kemala lebih cenderung kepada pemikiran Islam.

Namun begitu, kajian Zulkarnain (2011) menyatakan bahawa pendekatan ta'amul-taklif dalam karya sastera yang dihasilkan oleh sasterawan perlu diaplikasikan. Satu panduan digariskan terhadap sasterawan, iaitu mereka terikat dengan akidah Islamiah melalui tiga perkara. Pertama, pengakuan atau pengucapan. Kedua, perbuatan atau tindak tanduk dan ketiga, hati. Pengakuan penyair biasanya tidak disuarakan melalui pengakuan lisan tetapi melalui pena sastera. Tanpa keterikatan ini, penghinaan terhadap Islam akan berlaku dalam sesebuah karya. Tidak dinafikan ada kajian-kajian yang menganalisis karyanya dapat membuktikan bahawa puisi Kemala cenderung kepada puisi Islam, iaitu terdapat istilah-istilah agama dalam karyanya. Akan tetapi, dapatan tersebut dianggap masih lagi belum jelas atas sebab Kemala belum menjalani sesuatu ujian untuk menentukan tahap ketinggian fahamannya terhadap Islam. Selepas itu barulah boleh dikatakan karyanya sebagai sufi. Pendekatan dalam kajian ini suatu cadangan baru dalam arena penerimaan sastera Islam masa kini.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati terdapat lapan kajian berfokuskan kepada aspek simbol. Namun demikian, hanya kajian Boey (2013) terlibat dalam penterjemahan daripada pelbagai bahasa. Tambahan lagi, dua kajian lepas dalam tema Kemala ditemui, mengkaji aspek istilah agama, iaitu kajian Zulkarnain (2011) dan kajian Norhayati (2015). Manakala aspek kajian simbol tanpa melibatkan terjemahan dalam sajak atau puisi disentuh pula oleh kajian Elia (2012), Shia Ho (2014) dan Johannes (2015). Oleh yang demikian, kajian-kajian lepas ini sedikit sebanyak membantu kajian ini untuk meneliti kelompangan lain. Hasil kajian ini juga, membuktikan bahawa kajian-kajian lalu tidak terperinci dan hanya meneliti aspek tertentu sahaja seperti istilah agama dalam karya Kemala. Itu pun bukan semua karya yang dianalisis dan dibincangkan malah kurang mengetengahkan

simbol bukan dalam Islam. Faktor inilah membuatkan kajian ini berkecenderungan untuk memilih aspek simbol sebagai kelompokan.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Menurut Ahmad Munawwar & Mohd Nor Shahizan (2015), *numerical* tidak berlaku dalam kajian kualitatif dan memfokuskan aspek penceritaan berkualiti yang tersusun daripada tema-tema yang diperolehi. Kajian ini menggunakan analisis teori relevans yang diperkenalkan pada tahun 1986 oleh Speber dan Wilson. Sampel data terdiri daripada teks terjemahan² Melayu – Arab, iaitu sajak *Di Hadapan al-Quran* oleh sasterawan negara; Kemala diterjemahkan kepada "في أمام القرآن" dengan pemilihan pensampelan bertujuan. Sajak ini terdapat dalam himpunan puisi bertajuk '*Ayn*' (Kemala 2014) yang diterjemahkan kepada "عين".

Pensampelan bertujuan dipilih kerana sajak berkait rapat dengan simbol. Menurut Ahmad Munawwar & Mohd Nor Shahidan Ali (2015), pensampelan bertujuan dilakukan dengan menetapkan ciri-ciri tertentu yang dipilih. Pemilihannya pula mampu meningkatkan kualiti maklumat. Pengumpulan data terdiri daripada dua data primer, iaitu simbol daripada teks terjemahan. Data sekunder pula data yang diperolehi daripada tesis, buku-buku, kajian lepas, jurnal, seminar, prosiding, makalah dan sumber Internet. Data dikodkan mengikut susunan sajak dan rangkap. Ahmad Munawwar & Mohd Nor Shahizan (2015) menjelaskan, pengumpulan data boleh didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan komunikasi menerusi media cetak, gambar atau visual penyiaran. Data primer dianalisis berdasarkan teori relevans secara deskriptif, manakala data sekunder dianalisis secara tematik. Menurut Dawson (2002), apabila data dianalisis secara tema, maka dipanggil tematik dan sangat induktif. Induktif bermaksud tema datang daripada data dan tidak melibatkan pengkaji.

Kerangka Teori

Kajian ini didasari daripada pengasas teori relevans, Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori relevans menghuraikan bahawa bahasa figuratif menghasilkan mesej yang ingin disampaikan itu lebih berkesan dan bermakna. Simbol juga merupakan bahasa figuratif


²Sila rujuk lampiran A


kerana mengandungi unsur-unsur implisit atau tersirat. Menariknya, bahasa figuratif digunakan supaya tidak menyinggung perasaan orang lain ketika sesuatu ujaran itu dikemukakan. Dengan penggunaan teori ini, unsur koheren sesuatu komunikasi yang terhasil daripada maklumat tersurat mahupun tersirat dalam situasi sesuatu ujaran dapat dikesan. Teori ini berdasarkan kepada tiga konsep terpenting, iaitu tiga konsep penting yang didasari oleh teori relevan dalam mentafsirkan makna ialah konteks (set andaian), kesan konteks (hasil andaian paling relevan) dan kos proses (maklumat suatu ujaran diproses dalam minda manusia) (Nor Hashimah 1999). Sebagai contoh, ujaran (maklumat) yang diterima, “Janganlah ikutkan sangat malas tu. Racunlah. Boleh rosak!”. Selepas mendengar ujaran ini, konteks (racun) akan diproses terus dalam minda manusia kerana manusia akan berfikir racun tikus kah?. Kemudian, akan menghasilkan set andaian seperti racun tikus atau penyakit malas. Oleh itu, hasilnya (kesan konteks) akan dipilih “penyakit malas” kerana lebih sesuai dengan maklumat yang diterima.

Kerangka Konsep

Kerangka konsep ini didasari daripada teori relevans diperkenalkan pada tahun 1986. Data diproses dengan menganalisis makna secara linguistik dan secara tersirat. Seterusnya menyenaraikan set andaian. Kemudian andaian paling relevan dipilih berdasarkan konsep kesan, konteks dan kos proses. Langkah seterusnya dengan menilai kaedah penterjemahan simbol. Akhirnya, kajian ini dapat menghasilkan suatu cadangan terjemahan baru.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep.





Rajah 1: Kerangka konsep

Analisis Data

Jadual 1 merupakan data yang telah dikenal pasti.

Jadual 1: Data

Data	Teks	Simbol
1.1R1B1	TSU ³ : Selepas mukaddam بعد قراءة المقدمة TSA ⁴ :	mukaddam
1.1R2B17	TSU: meninggi bagai kecapi kafilah القافلة السَّيَّارة TSA:	kafilah

Data 1.1R1B1

Berdasarkan Jadual 1, data 1.1R1B1 simbol “mukaddam” yang digunakan Kemala dan diterjemahkan oleh Muhammadul Bakir Haji Yaakub kepada bahasa sasaran, bahasa Arab iaitu “المقدمة”. Data simbol ini dikesan mempunyai makna tersirat. Simbol jenis ini merupakan simbolisme dalam al-Quran, kategori simbol Islam. Sebelum menginterpretasikan makna simbol tersebut, terlebih dahulu dihuraikan dalam konteks linguistik daripada pelbagai rujukan kamus.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 1056), “muqaddam” mempunyai dua makna iaitu (a) yang terdahulu, sesuatu yang mendahului dan (b) juz *Amma* atau juz yang ke 30 dalam al-Quran (yang dipelajari dahulu). Jika dilihat daripada konteks ayat ini, makna (a) bukanlah maksud sebenar kerana makna ini diterjemahkan daripada bahasa Arab. Ini dikenali perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab atau disebut kata serapan. Menurut Sulaiman et. al (2007: 47), perkataan pinjaman daripada bahasa asing lama kelamaan menjadi perkataan yang lazim dalam bahasa Melayu. “Mukaddam” ini dikategorikan pinjaman perkataan daripada bahasa Arab bagi pengelasan kata nama. Hal ini juga dinyatakan dalam kajian Mohd Alwee & Mohamad Azrien (2009: 318) dalam kajiannya, menjelaskan

³Teks Sumber

⁴Teks Sasaran

Manakala menurut *Lisan al-ʿArab* (2003: 270, Jilid 7) pula, perkataan "المقدمة" berasal daripada kata dasar "قَدَّمَ" bermaksud "mendahului", atau "قَدَّمَ" yang bermakna "تَقَدَّمَ" iaitu kemajuan. Makna ini masih ragu-ragu kerana menimbulkan tanda tanya. Makna lain "المقدمة من الجيش: permulaannya, المقدمة من كل شيء: kumpulan hadapan, مقدمة الكتاب: pendahuluan buku" (*Lisan al-ʿArab*, 2003: 270, Jilid 7; *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* 2015: 1846). Buku di sini dimaksudkan dengan al-Quran, kerana al-Quran juga disebut al-Kitab. Makna seterusnya, "ومقدمة الكلام: kata alu-aluan" (*Lisan al-ʿArab* 2003: 270, Jilid 7; *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* 2015: 1846). Makna ini tertolak kerana makna ini bukan ucapan seseorang. Makna yang lain tertolak kerana tidak sesuai dengan konteks sajak. Selain itu, bermaksud "الناصية: "كما استقبلك من الجبهة والجبين: kamu bertemu muka", "جانبك ووجهك: jambul dan dahi" (*Lisan al-ʿArab* 2003: 270, Jilid 7). Seterusnya *Kamus Bahasa Melayu - Bahasa Arab Bahasa Arab - Melayu* (2015: 202) memberi maksud "mendahulukan; mengedepankan", "memberi; menyerah" dan "mempersembahkan; membentangkan" daripada perkataan "قَدَّمَ: عَسَّ، أَرَّ، أَعْطَى، سَلَّمَ، غَرَضَ، مَنَحَ، غَرَفَ". *Kamus al-Khalil al-Islami Arab-Melayu* (2015: 1066) menterjemahkan "مُقَدِّمٌ" kepada "yang didahulukan, yang terdahulu, kapten, bayaran muka, muqaddam", manakala jika dilihat pada makna linguistik "جزأ" pula, bermaksud "sebahagian" kata gandanya "أجزاء". Makna lain, "pecahan", "potongan daripada sesuatu" (*Lisan al-ʿArab* 2003: 114, Jilid 4). Seterusnya *Kamus Bahasa Melayu - Bahasa Arab Bahasa Arab - Melayu* (2015: 201) memberi maksud "قسم: "pecahan, bahagian, komponen, juzuk al-Quran".

Merujuk makna linguistik daripada *Lisan al-^oArab* (2003), *Kamus Bahasa Melayu - Bahasa Arab* *Bahasa Arab - Melayu* (2015), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (2015) dan *Kamus al-Khalil al-Islami Arab-Melayu* (2015), tidak ada satu pun makna menjurus kepada bahagian mana yang dipanggil “muqaddam” dalam al-Quran melainkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) memberi padanan makna sesuai, iaitu “juz Amma”. Hal ini menunjukkan bahawa adanya perbezaan budaya. Kemala menggunakan perkataan “mukaddam” untuk menyatakan yang anaknya telah pun mempelajari juz Amma sebelum ini yang mana kebiasaannya budaya anak-anak Muslim akan mempelajari asas al-Quran terlebih dahulu dengan dimulai bacaan juzuk 30. Pada peringkat sajak ini dicipta, anaknya mempunyai asas mengaji al-Quran dan baru mula untuk membaca surah al-Baqarah. Perkara ini sealiran dengan kajian Mohd Nizam & Che Zarrina (2011: 4) menghuraikan pendidikan al-Quran secara tidak formal berlaku sekitar sebelum abad ke-20. Anak-anak berumur 7 hingga 10 tahun dididik dengan acuan al-Quran melalui guru agama dan para ulama. Pendidikan ini bermula dengan mengenali huruf dan mengeja ayat-ayat al-Quran menggunakan muqaddam.

Begitu juga dalam budaya Arab kebiasaannya anak-anak akan mempelajari al-Quran. Perbezaannya di sini, orang Arab tidak mengistilahkan juzuk 30 dengan panggilan “mukaddam”. Ibu bapa mereka menekankan pendidikan awal al-Quran dengan menghantar mereka ke institusi pendidikan seperti madrasah. Sebagai contoh di Bahrain, masyarakat mewujudkan sistem persekolahan Kuttab (*Quranic school*) sejak 1919. Antara kurikulum yang dipelajari ialah hafazan al-Quran dimulai dengan ayat yang mudah dan sebahagiannya terdapat pelajaran membaca, menulis dan pengetahuan am. Setelah pelajar-pelajarnya tamat pengajian hafazan al-Quran, mereka berkumpul beramai-ramai bersama ibu bapa dan guru-guru untuk majlis “khatam al-Quran”. Seterusnya ditambah pelajaran-pelajaran lain seperti syariah, fiqh dan ibadat daripada semasa ke samasa. Sistem pendidikan di Kuttab ini, diperkembang dan dimodenkan sehinggalah penubuhan institusi pengajian tinggi (al-Nokhada 1999: 18).

Makna linguistik ini tidak dapat membantu untuk menghuraikan makna tersirat. Dengan penggunaan teori relevans, akan membincangkan kod, inferens dan andaian yang boleh menyelesaikan masalah makna tersirat seperti Jadual 2.

Jadual 2: Set andaian data 1.1R1B1

Kod	Inferens	Andaian
Mukaddam	al-Quran	Juz Amma Juzuk 30 Surah al-Baqarah

Melalui analisis teori relevan, ujaran ini diproses dalam minda manusia. Simbol “mukaddam” ini secara langsungnya masuk ke dalam minda manusia untuk mencari makna sebenar. Data “mukaddam” mudah difahami pembaca sumber. Inferens daripada data ini berkaitan dengan al-Quran. Menerusi inferens ini maka lahirlah andaian-andaian yang mengemukakan makna yang lebih jelas lagi selain makna linguistik yang dibincangkan tadi. Berdasarkan Jadual 2 itu, antara kedua-dua andaian tersebut, andaian (a) paling relevan kerana merujuk kepada kekuatan budaya Melayu memanggil “muqaddam” sebagai juz Amma. Andaian (b) seakan-akan sama tetapi budaya Melayu lebih dekat dengan andaian (a) daripada andaian (b).

Apabila sudah jelas makna tersirat ini, maka barulah proses padanan makna ke dalam bahasa Arab dilakukan. Penterjemah menggunakan teknik terjemahan secara langsung, iaitu pendekatan terjemahan literal, iaitu padanan yang sama antara lafaz dan makna. Teknik ini bermaksud menterjemahkan simbol kepada bahasa sasaran dalam bentuk figuratif (tersirat atau implisit) dengan memberikan maksud yang sama pada lafaz dan maknanya.

Timbul masalah apabila makna dilihat meragukan kepada pembaca sasaran atau dikatakan tidak memberikan maksud yang sama pada lafaz dan makna. Hal ini disebabkan jika menterjemahkannya begitu, maka pembaca sasaran tertanya-tanya adakah surah al-Baqarah dikatakan “mukaddam”? Hal ini disebabkan menurut masyarakat Arab, pendahuluan al-Quran bermula dengan surah al-Baqarah. Kembali pula kepada makna linguistik dalam bahasa Melayu, perkataan “mukaddam” merupakan kata serapan Arab yang merupakan istilah bagi orang Arab. Tetapi mukaddam bagi orang Arab bukan juzuk 30. Oleh itu, dicadangkan agar terjemahan teks “المقدمة” diganti dengan makna “جزء الثلاثين” kerana perkataan ini lebih dekat dengan masyarakat Arab berbanding diterjemahkan “جزء عم”.

Kemudian, penterjemah juga menterjemahkan “Selepas mukaddam” kepada “بعد قراءة المقدمة”. Penterjemah menambah terjemahan “قراءة”

sedangkan dalam teks sumber tiada perkataan yang diterjemahkan kepada "قراءة". Maka di sini berlaku penambahan dalam menterjemahkan teks sumber. Penterjemah menambah terjemahan bertujuan supaya pembaca lebih faham apabila mempuisika sajak tersebut. Perkara ini termasuk dalam pendekatan terjemahan dinamik di bawah golongan teknik terjemahan tidak langsung. Menurut Nida & Taber (1982), pendekatan ini membawa mesej teks asal yang hendak disampaikan ke dalam teks sasaran sama daripada aspek kesan pembaca sasaran. Menurutnya lagi, terjemahan ini bukan boleh terus memindahkan mesej tersebut tetapi perlulah melalui proses penting, iaitu proses analisis, proses pemindahan mesej dan proses penstrukturan tatabahasa bahasa sasaran. Langkah proses analisis, teks sumber "selepas mukaddam" tentulah salah jika mengikut tatabahasa Melayu. Akan tetapi, teks ini merupakan teks sastera puisi yang mempunyai ciri-ciri keunikan seninya yang dibenarkan dalam peraturan bahasa Melayu. Maka, untuk menganalisisnya, pembaca teks sumber perlu faham situasi "selepas mukaddam" tersebut. Maksudnya, selepas Ainul Azam membaca ayat-ayat al-Quran. Setelah proses teks sumber ini dianalisis, maka penterjemah barulah perlu memindahkan mesej tersebut. Oleh itu, penterjemah memindahkan mesej "selepas mukaddam" dengan teks sasaran kepada "بعد قراءة المقدمة". Semasa pemindahan mesej dilakukan, penstrukturan tatabahasa bahasa sasaran juga diambil kira. Menariknya dalam penterjemahan dinamik ini, keserupaan antara kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran ini, bukanlah dikira dengan serupanya jumlah perkataan antara kedua-dua bahasa tersebut, tetapi yang ditekankan adalah idea dan memfokuskan kesan terhadap pembaca sasaran berbanding bentuk bahasa. Teknik penambahan ini tidaklah salah kerana makna padanan "selepas mukaddam" adalah paling dekat dengan "بعد قراءة جزء الثلاثين".

Data 1.1R1B17

Data 1.1R1B17 simbol "kafilah" yang digunakan Kemala dan diterjemahkan oleh Muhammadul Bakir Haji Yaakub ke dalam bahasa Arab sebagai "القافلة". Data simbol ini merupakan perumpamaan peribahasa Melayu iaitu adanya perkataan "bagai". Simbol jenis ini merupakan simbolisme dalam Islam. Secara lingustiknya, makna daripada pelbagai kamus digunakan.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 654), "kafilah" bermaksud "rombongan orang (berserta dengan unta dan barang-barang

yang dibawa) dalam perjalanan di padang pasir”. Manakala daripada aspek bahasa Arab, iaitu perkataan asalnya ialah makna “kafilah” ini sama seperti dalam bahasa Melayu iaitu daripada perkataan "قافل" iaitu daripada kata kerja dan kata jamakanya "قوافل" (*Lisan al-^cArab* 2003: 454, Jilid 9; *Kamus Bahasa Melayu – Bahasa Arab* Bahasa Arab – Bahasa Melayu 2015: 168). Maknanya banyak merujuk kepada “permusafiran” seperti “الرُّفْقَةُ الرَّاجِعَةُ مِنَ السَّفَرِ”: kumpulan yang kembali daripada perjalanan” (*Lisan al-^cArab* 2003: 454, Jilid 9).

Selain itu *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2015: 1917) memberi maksud "القافلة" sebagai “gerombolan, rombongan orang (serta dengan unta dan barang-barang yang dibawa) dalam perjalanan di padang pasir”, “قافلة تجارية”: rombongan perniagaan”, “kelompok kumpulan”.

Makna yang dijelaskan itu menimbulkan keraguan kerana dalam baris “suara kecilmu sayu, merendah”, “meninggi bagai kecapi kafilah”, “hauskan rindu Utama” agak mustahil anak kecil pada masa itu yang baru mula belajar surah al-Baqarah dapat menyertai kumpulan rombongan di padang pasir. Lebih-lebih lagi anak kecil ini bukanlah tinggal di kawasan padang pasir. Makna linguistik “kafilah” hanya satu sahaja dalam kamus ini, maka diteruskan analisis simbol merungkai makna secara tersirat dengan menggunakan teori relevan. Minda manusia terus memproses simbol “kafilah” ini. Antara set andaian adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Set andaian data 1.1R1B17

Kod	Inferens	Andaian
Kafilah	Kumpulan	Rombongan pedagang di padang pasir. Suara kecilmu tinggi rendah. Kesengsaraan menanggung rindu kepada Allah.

Andaian (b) menjelaskan bahawa “kafilah” ini simbol kepada tahap ketinggian jeritan suara hati yang kadang-kadang rendah dan kadang-kadang tinggi seperti mahu menjadi seorang pengembara kafilah menerusi rangkap “suara kecilmu sayu, merendah”, “meninggi bagai kecapi kafilah”. Manakala andaian kafilah (c) merujuk kepada sesuatu kesusahan, kesengsaraan dan kesulitan kerana kumpulan rombongan ini keadaannya mencabar, iaitu berjalan dengan unta mengambil masa yang lambat untuk sampai ke destinasi yang dituju. Tambahan pula, di tengah padang pasir yang panas terik dengan mengendong barang-

barang berat. Simbol kafilah merujuk kepada “kesengsaraan dalam menanggung rindu kepada Allah” dalam baris “meninggi bagai kecapi kafilah”, “hauskan rindu Utama”. Antara andaian (b) dan (c), menimbulkan perasaan berbelah bahagi kerana jika dibaca rangkap “suara kecilmu sayu, merendah”, “meninggi bagai kecapi kafilah”, maka andaian paling relevan ialah (b). Akan tetapi, jika dibaca rangkap “suara kecilmu sayu, merendah”, “meninggi bagai kecapi kafilah”, “hauskan rindu Utama”, maka andaian (c) lebih relevan. Oleh itu, andaian (b) paling relevan kerana itulah makna yang terawal difahami dan sesuai didengar berbanding andaian (c) yang lambat difahami pendengar. Hal ini kerana pendengar perlu mendengar terlebih dahulu rangkap seterusnya iaitu “hauskan rindu Utama”. Selain itu baris “suara kecilmu sayu, merendah,” lebih bersangkut paut dengan “meninggi bagai kecapi kafilah” dengan adanya kata sifat berlawanan “suara kecil” iaitu “merendah” dan “meninggi”.

Antara bahasa Melayu dan bahasa Arab jelas mempunyai makna yang sepadan iaitu merujuk kepada kaum yang sedang bermusafir untuk berdagang dengan menaiki unta. Simbol ini juga merupakan kata serapan daripada bahasa Arab. Banyak kata serapan daripada bahasa Arab telah dijadikan kebiasaan orang Melayu dalam pertuturan. Menurut Mohd Hazri, Che Radiah, & Muhd Zulkifli (2017: 69-74), penggunaan kata serapan Arab dengan betul dan makna yang tepat dalam puisi Melayu dapat menjadikan puisi lebih indah dan teruja untuk dibaca. Malah, menurut Ahmad Arifin et. al (2013: 48-59), pembaca daripada golongan yang berpengetahuan dalam bahasa Arab juga memberi kesan untuk memahami makna kata pinjaman Arab.

Berdasarkan teks terjemahan juga, penterjemah melakukan penambahan, iaitu “kafilah” diterjemahkan kepada “السَّيَّارَةُ الْقَافِلَةُ”. Tambahan pula, penterjemah menggugurkan teks sasaran “bagai kecapi”. Walaupun terdapat pandangan sarjana menerima teknik pengguguran atau penambahan perkataan dalam menterjemahkan teks sajak, namun hal ini didapati menimbulkan makna yang berbeza dengan teks sumber kerana seolah-olah terdapat suatu idea baru dalam terjemahan teks iaitu “السَّيَّارَةُ”. Oleh itu, dicadangkan agar teks sasaran “ويرتفع” digugurkan. Manakala teks sumber “meninggi bagai kecapi kafilah” diterjemahkan kepada “يرتفع كقافلة”.

Penggunaan kata serapan Arab seperti ini menunjukkan bahawa Kemala mengajak orang Melayu supaya merasai kerinduan kepada Allah itu seperti merasai sejauh manakah dapat menjadi seperti kafilah Arab yang sudah biasa dengan keadaan kehidupannya yang sukar. Antara kesusahannya dalam mencari rezeki dengan menaiki unta ditengah-tengah padang pasir yang panas terik. Di samping itu, memikul banyak barang dagangan. Malah mengambil masa berbulan-bulan untuk tiba semula ke tempat asalnya. Semasa tempoh perjalanan itu pula, banyak cabarannya seperti tekak sering haus (hauskan rindu Utama) dan selalu didatangi perompak-perompak jalanan untuk merompak dagangan mereka.

Dapatan Kajian

Dapatan dibincangkan berdasarkan objektif kajian yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu:

Objektif pertama: Menganalisis makna sebenar simbol dalam sajak Di Hadapan al-Quran.

Daripada analisis yang telah dilakukan, didapati makna sebenar bagi simbol mukaddam ialah jujuk Amma, manakala makna sebenar bagi simbol kafilah ialah suara kecilmu tinggi rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ujaran implisit yang digunakan Kemala adalah sangat halus dan penuh erti. Perumpamaan “kafilah” yang digunakannya pula sangat dengan dengan budaya bahasa sasaran agar lebih difahami dan dihayati apa yang cuba disampaikan oleh Kemala. Manakala simbol “mukaddam” pula memerlukan penerangan lanjut untuk memberi kefahaman kepada pembaca sasaran, iaitu masyarakat Arab mengenai “mukaddam”. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa, penterjemah memindahkan bahasa sasaran dengan mudah dan senang difahami pembaca sasaran. Pemindahan makna sangat dititik beratkan untuk difahami pembaca sasaran tanpa banyak melanggar bentuk puisi dalam bahasa sasaran.

Objektif kedua: Menilai kaedah penterjemahan simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab.

Penterjemah menggunakan teknik terjemahan literal bagi simbol “mukaddam: مقدمة” dan “kafilah: قافلة”. Hasil kajian menunjukkan bahawa, teknik literal dilihat bersesuaian dan wajar dipraktikkan untuk menterjemahkan istilah-istilah khusus seperti simbol Islam. Hal ini disebabkan teknik ini dapat memindahkan makna dengan lebih tepat

kerana simbol Islam merupakan istilah-istilah khusus yang memerlukan pemindahan makna yang jelas dan tanpa ragu-ragu. Teknik ini juga memudahkan pembaca sasaran, dapat mengekalkan ciri teks asal dan bersifat terjemahan tulen. Teknik penambahan juga diaplikasikan dalam terjemahan simbol “kafilah” iaitu “meninggi bagi kecapi kafilah: القافلة السيارة”. Teknik ini memberi makna tidak sepadan dengan teks sumber kerana penambahan idea baru. Oleh itu, teknik ini kurang sesuai digunakan dan tidak wajar diaplikasikan.

Objektif ketiga: Mengesyorkan cadangan terjemahan baru jika makna simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* ke dalam bahasa Arab tidak sepadan. Simbol “mukaddam” dicadangkan terjemahan baru, iaitu "جزء الثلاثين", manakala simbol “kafilah” dicadangkan kepada terjemahan "يرتفع كقافلة". Cadangan ini diperlukan bagi simbol “mukaddam” kerana dalam masyarakat Arab, mereka tidak memahami apakah "المقدمة", manakala bagi terjemahan “meninggi bagi kecapi kafilah” dicadangkan terjemahan baru yang lebih dekat dengan makna asal, iaitu "يرتفع كقافلة". Oleh itu, kajian mendapati bahawa terjemahan baru ini menjadikan pembaca sasaran lebih faham dan tidak lari daripada makna sebenar. Padanan ini dipilih berdasarkan makna yang lebih dekat dengan budaya pembaca sasaran. Walaupun “mukaddam” merupakan istilah agama Islam, namun pembaca sasaran masih tidak dapat memahaminya kerana bukan budaya mereka. Manakala simbol “kafilah” dilihat sepadan walaupun makna sebenarnya “suara hatimu tinggi rendah”. Hal ini disebabkan “kafilah” juga merupakan peribahasa perumpamaan Melayu yang dirujuk daripada rangkap “suara hatimu tinggi rendah”. Hasil kajian menunjukkan bahawa cadangan-cadangan ini lebih difahami dan dapat mengurangkan kekeliruan makna. Apa yang lebih penting pemilihan makna terjemahan ke dalam bahasa Arab hendaklah tidak terlalu berat dan sukar untuk difahami kerana pembaca sasaran juga bukanlah juga seorang penyalir.

Kesimpulan

Rumusannya, sajak *Di Hadapan al-Quran* merupakan suatu puisi seni yang diangkat martabatnya. Oleh itu, langkah menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab merupakan suatu usaha pengantarabangsaan kepada masyarakat Arab. Kebudayaan Melayu wajar diketengahkan kepada masyarakat Arab kerana sajak-sajak Melayu juga sangat sarat dengan nilai-nilai murni yang harus dipupuk kepada remaja-remaja

demikian kesejahteraan masyarakat sejangkit. Hasil kajian ini diharapkan dapat menolak tanggapan bahawa sukarnya menterjemahkan simbol yang mengandungi makna tersirat. Selain itu juga, dapat memberi sumbangan sedikit sebanyak sebagai panduan teknik penterjemahan simbol kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang sedang mendalami ilmu terjemahan khususnya terjemahan Melayu – Arab.

RUJUKAN

- Abdullah Zawawi & Shaiful Bahri. (2011). Melampaui sempadan penyelidikan sastera: Satu perbincangan berdasarkan *Senja Belum Berakhir* Karya Azizi Haji Abdullah. *Jurnal Sari- International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(2), 83 – 108.
- Ahmad Arifin Sapar Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Hj. Husin, & Mat Taib Pa. (2013). Penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap kata pinjaman bahasa Arab berasaskan pengetahuan sedia ada. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 48-59.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2010). *Simbolisme dan puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2015). *Mengenali kuantitatif & kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Al-Nokhada, M. A. H. (1999). Children's literature, their books and reading interests: A study in primary schools in Bahrain (Doctoral thesis, University of Durham). Retrieved from <http://etheses.dur.ac.uk/4862/>
- Arif Karkhi, Abukhudairi. (2016). Translating poetry: Problems and solutions. *Jurnal Semat*, 4(3), 337-346.
- Bluhm, A. (Ed.). (1988). *Sign and symbols their design and meaning*. Germany: Weiss Verlag GmbH.
- Boey, Ooi Hooi. *Strategi penterjemahan kata nama khas dalam teks kesusasteraan klasik negara China ke bahasa Melayu* (Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya). Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/5514/>
- Dawson, C. (2002). *Practical research methods a user-friendly guide to mastering research*. United Kingdom: How To Books.
- Elia, M. K. (2012). Simbolisme dalam sajak L'horloge karya Charles Baudelaire. *Jurnal Student e-journal*, 1(1), 1-12.
- Iyavoo, U., & Gaik, K. C. (Eds.). (1996). *Teori linguistik bagi penterjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
- Johannes, C. V. (2015). *Simbol-Simbol Pada Puisi-Puisi Ezra Pound* (Master's thesis, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sam Ratulangi).

- Retrieved from <https://media.neliti.com/media/publications/83313-ID-simbol-simbol-pada-puisi-puisi-ezra-poun.pdf>
- Kamarova, N. (2014). Swan As A Symbol Of Beauty And Purity In Kazakh Poetry. *Science Direct*, 140(2014), 422-426.
- Kamus al-Khalil al-Islami Arab – Melayu*. (2015). Kuala Lumpur: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu* (3th ed.). (2015). Selangor: Oxford Fajar.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (3th ed.). (2015). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*(4th ed.). (2016). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
- Kemala. (2014). *'Ayn*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Kencanawati. (Ed.). (1989). *Penerjemahan berdasarkan makna pedoman untuk pepadanan antarbahasa*. Indonesia: Penerbit Arcan.
- Lisan al-ʿArab*. (2003). Kaherah: Dar al-Maʿarif.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. In Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*, (pp. 207-223). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak “Pelacur Tua”: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 113-143.
- Mohd Alwee Yusoff, & Mohammad Azrien Mohammad Adnan. (2009). Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan dari aspek morfologi. *Jurnal Usuluddin*, 30, 305-324.
- Mohd Hazri Zakaria, Che Radiah Mezah, & Muhd Zulkifli Ismail. (2017). Penggunaan kata pinjaman Arab dalam puisi Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*, 15(I-S), 69-74.
- Mohd Nizam Sahad, & Che Zarrina Saa'ri. (2011). Sejarah pendidikan Islam di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Tamaddun*, 6, 1-27.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. London: Pergamon Press.
- Niculescu, C. (2012). Statistics regarding the occurrence of the epithet in Romanian symbolist poetry. *Science Direct*, 46(2012), 4524 – 4528.
- Nida, E. A., & Taber C. R. (1982). *The theory and practice of translation*. Netherlands: Brill NV, Leiden.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation*. Netherlands: Brill NV, Leiden.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (2003). *The theory and practice of translation*. Netherlands: Brill NV, Leiden.
- Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2013). Tinjauan literatur penterjemahan novel Melayu ke bahasa Arab. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 37(2), 147-152.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (Ed.). (1999). *Relevans komunikasi & kognisi*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP

- Norhayati Abd Rahman. (2015, Nov). *Membaca unsur-unsur tasawuf dalam puisi Meditasi oleh Sn. Dato' Dr. Kemala*. Paper presented at the Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Abdullah (KEMALA) on Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad Aras 2, Menara DBP, Kuala Lumpur. Retrieved from <http://eprints.um.edu.my/15531/>
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin, & Zuraidah Jantan. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. Selangor: August.
- Pedersen, E. G. (2015). Semantics of the symbol: main theories about the symbol and the themes of symbols in Alexandru Macedonski's poetry. *Science Direct*, 180(2015), 586 – 592.
- Shia Ho, Wong. (2014). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 60-92.
- Sulaiman Masri, Mashudi Bahari, & Juliliyana Mohd Junid. (2007). *Siri pengajian dan pendidikan Utusan bahasa Melayu rujukan menengah*. Selangor: Kim Guan Press.
- Zubaidah Ibrahim, & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (Eds.). (2012). *Terjemahan produk dan proses*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
- Zulkarnain Mohamed. (2011). Pendekatan Ta'amul-taklif dalam kajian sastera. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29(1), 137-152.

Ijlal Saja @ Mearaj
Dr. Maheram Ahmad
Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad
Pusat Kajian Bahasa Arab Dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
E-mail: sajaijlal193@outlook.com

22 | Analisis Simbol Terhadap Terjemahan Sajak Di Hadapan Al-Quran
Karya Kemala Ke Dalam Bahasa Arab

E-mail: maheram@ukm.edu.my

E-mail: suzail@ukm.edu.my

LAMPIRAN (A)

R ⁵	B ⁶	Teks Sumber	Teks Sasaran
1.1 ⁷		DI HADAPAN AL-QURAN (Untuk Ainul Azam yang mula membaca alif lam mim)	أمام القرآن الكريم (⁸ لعين العزم الذي بدأ يقرأ ألم)
1.	1	Selepas mukaddam	بعد قراءة المقدمة
	2	berapa kali air matamu titik	كم مرة دموعك تذرف
	3	waktu membaca	حين تقرأ
	4	ayat suci ilahi?	آيات الإله المقدسة!
	5	suara kecilmu sayu	صوتك اللطيف المحزن
	6	kedip mata, bersimpuh duduk	ومضات عينيك، جلوسك القرفصاء
	7	pada maghrib muda. tak selalu	عند الغروب
	8	aku tenang dengan rewangannya	قراءتك الضعيفة تزعجني أحيانا
	9	pertama bismillah	أولا بسم الله
	10	awal tauhid ampuh	أولا لتوحيد أيد
	11	teguh dengan iman	متانة الإيمان
	12	di hadapan al-Quran	أمام القرآن
	13	waktu meminta kita	يتطلب الوقت منا
	14	mengunyah butir-butir hikmah	مضغ بزور الحكمة
2.	15	bakal titis air matamu	سوف تذرف عينا كالدموع
	16	suara kecilmu sayu, merendah	صوتك اللطيف المحزن، ينخفض ويرتفع
	17	meninggi bagai kecapi kafilah	القافلة السبارة
	18	hauskan rindu utama	الشوق لخالص الظمان
	19	menepuk kalbuku	يطرق قلبي

⁵ R: Rangkap

⁶ B: Baris

⁷ Kod Data. 1: Penterjemahan bahagian satu, 1: Sajak pertama

جرت العادة في تعليم قراءة القرآن أن ينقل الطالب من الجزء 30 من القرآن الكريم، إلى الجزء الأول،

فالشاعر يشير إلى تقدم ابنه في قراءة القرآن. ⁸

23 | **Analisis Simbol Terhadap Terjemahan Sajak Di Hadapan Al-Quran
Karya Kemala Ke Dalam Bahasa Arab**

3.	20	halus dan kudus	رفيق وقُدوس
	21	tumbuh untuk mantap satu waktu.	ينمو ويتقوى ليوحد الأزمنة.
	22	Di hadapan al-Quran	أمام القرآن
	23	umur, syurga kasih	العمر،جنة الحب
	24	indah abadi dan hayatmu	البديع الأبدى وحياتك
	25	diberkati tuhan.	يباركها الرب.